

SSM TAMBAH BAIK PERUNDANGAN BERKAITAN REHABILITASI KORPORAT DAN PELAPORAN MAKLUMAT PEMUNYA BENEFISIAL MELALUI AKTA SYARIKAT (PINDAAN) 2024



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

Perundangan berkaitan rehabilitasi korporat yang komprehensif seiring dengan perkembangan perundangan di peringkat antarabangsa adalah penting dalam memastikan kestabilan lanskap perniagaan negara serta mengadaptasi amalan terbaik global dan standard yang ditetapkan.

Ke arah usaha untuk memperkukuh kerangka perundangan berkaitan rehabilitasi korporat dalam mengharungi fasa pemulihan masa kini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), telah mengambil inisiatif untuk menambah baik peruntukan-peruntukan di bawah Akta Syarikat 2016.

Pindaan ini bertujuan memperkukuh kerangka perundangan rehabilitasi korporat bagi memudahcara syarikat yang menghadapi masalah kewangan dan menyokong pemulihan ekonomi serta daya saing. Di samping itu, pindaan ini juga bertujuan mempertingkatkan ketelusan korporat mengenai pelaporan pemunya benefisial, menyokong aktiviti penguatkuasaan terhadap perubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah dan jenayah berat lain serta menyokong penilaian *Financial Action Task Force (FATF) / the Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)* terhadap Malaysia pada tahun 2024/2025. FATF merupakan badan antarabangsa bebas yang membangunkan piawaian antarabangsa untuk memerangi perubahan wang haram dan pembiayaan keganasan serta percambahan untuk melindungi sistem kewangan global. OECD pula menjalankan penarafan berhubung isu-isu penzahiran bagi percukaian ke atas negara-negara seperti Malaysia yang berdagang dengan negara-negara OECD.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata Akta Syarikat (Pindaan) 2024 merupakan langkah penting dalam menggambarkan komitmen KPDN melalui SSM untuk memupuk persekitaran perniagaan yang kukuh dan progresif.

"Pindaan ini bukan sekadar pindaan undang-undang biasa tetapi merupakan lonjakan strategik ke arah landskap korporat yang lebih mantap, telus serta inovatif".

"Pindaan ini sangat penting terutamanya berkaitan peruntukan untuk menambah baik mekanisme penyelamat korporat dan rehabilitasi bagi syarikat yang menghadapi masalah kewangan serta menambah baik ketelusan dan tadbir urus secara amnya," katanya.

Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 telah diluluskan di peringkat Dewan Rakyat pada 28

November 2023 dan diluluskan di peringkat Dewan Negara pada 13 Disember 2023. Rang Undang-Undang ini telah mendapat Perkenan Diraja pada 24 Januari 2024 dan diwartakan sebagai Akta Syarikat (Pindaan) 2024 pada 2 Februari 2024.

"Pindaan ini sejajar dengan komitmen KPDN dan SSM untuk menggerakkan strategi dan pendekatan yang menyokong agenda reformasi dalam memperkukuh kerangka tatakelola kerajaan dan tadbir urus negara secara keseluruhannya termasuk sektor korporat"

Datuk Armizan Mohd Ali
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup



Akta Syarikat (Pindaan) 2024 akan dikuatkuasa pada 1 April 2024 kecuali Seksyen 4, 14, 26 dan 28 yang telah dikuatkuasakan pada tarikh yang akan diumumkan kelak.

Akta Syarikat (Pindaan) 2024 mengandungi 31 fasal yang terdiri daripada empat kluster polisi.

Kluster polisi 1 adalah memperluaskan pemakaian mekanisme penyelamat korporat iaitu perkiraan sukarela korporat (CVA) dan pengurusan kehakiman (JM). Selaras dengan perkembangan kerangka perundangan di peringkat antarabangsa, CVA menyediakan mekanisme yang membolehkan syarikat yang menghadapi masalah kewangan untuk membuat rundingan dengan pemiutangnya tanpa campur tangan mahkamah. Syarikat yang berhasrat untuk menjalankan proses ini perlu memfailkan notis kepada mahkamah dan moratorium akan berkuat kuasa untuk tempoh 28 hari dan boleh dipanjangkan sehingga 60 hari. Dalam tempoh moratorium ini, tiada tindakan undang-undang yang boleh diambil terhadap syarikat termasuk tindakan penggugungan.

Sebelum ini, polisi CVA hanya terpakai kepada syarikat persendirian yang tidak mempunyai gadaian ke atas mana-mana asetnya, menyebabkan peruntukan sedia ada tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh kebanyakan syarikat termasuk syarikat awam.

Menerusi pindaan yang telah dilaksanakan, skop pemakaian CVA dibawah Akta Syarikat 2016 akan diperluaskan kepada semua jenis syarikat serta tanpa mengira samaada syarikat mempunyai kepentingan cagaran ke atas asetnya (gadaian) atau tidak.

Selain CVA, pindaan ini turut meluaskan pemakaian JM kepada semua syarikat awam termasuk syarikat awam yang disenaraikan di Bursa Malaysia. JM merupakan prosedur yang boleh dimohon oleh syarikat atau pemiutang atau penyelesaian kepada mahkamah untuk melantik seorang pengurus kehakiman bagi melaksanakan pelan rehabilitasi yang perlu disetujui oleh syarikat dan pemiutangnya dan seterusnya diluluskan oleh

mahkamah. Tempoh moratorium yang bermula sebaik sahaja permohonan difailkan sehingga selama enam bulan selepas perintah kehakiman diberikan akan melindungi syarikat daripada tindakan undang-undang termasuk perintah penggugungan. Peluasan pemakaian pengurusan kehakiman akan memberikan peluang kepada mana-mana syarikat yang menghadapi masalah kewangan untuk meneroka mekanisme penyelamat yang bersesuaian dengan situasi masing-masing.

Bagi JM, polisi sebelum ini hanya terpakai kepada semua syarikat kecuali syarikat yang dikawalselia dibawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671] atau undang-undang yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia. Pindaan yang telah dilaksanakan membolehkan semua syarikat yang menghadapi masalah kewangan termasuk syarikat senaraian awam memanfaatkan JM sebagai mekanisme untuk merehabilitasikan perniagaan syarikat tersebut.

Sementara itu, **kluster polisi 2** adalah memperkukuh kerangka rehabilitasi korporat melalui penambahbaikan peruntukan yang berkaitan skim perkiraan atau kompromi (SPK) dan penambahbaikan peruntukan-peruntukan berhubung CVA/JM.

Pemakaian SPK untuk proses rehabilitasi syarikat, dijangka menjadi pilihan utama oleh syarikat yang menghadapi masalah kewangan kerana syarikat masih di bawah kawal selia pihak pengurusan syarikat tersebut. Oleh itu, kerangka perundangan berkaitan SPK telah ditambah baik supaya ia dapat memberi insentif kepada pengurusan syarikat untuk mencadangkan pelan rehabilitasi yang sesuai bagi memastikan syarikat boleh terus beroperasi dan tidak berdepan dengan tindakan penggugungan.

Dalam konteks SPK, penambahbaikan kerangka perundangan yang membantu pihak pengurusan untuk terus menjalankan operasi perniagaan adalah penting bagi menjayakan pelan rehabilitasi yang dicadangkan. Oleh yang demikian, antara pindaan yang dilaksanakan adalah memperjelaskan polisi berhubung prosedur sedia ada bagi permohonan perintah halangan. Syarikat boleh mendapatkan perintah halangan tidak melebihi tiga bulan dari tarikh perintah halangan itu diberikan dan suatu lanjutan tidak melebihi sembilan bulan boleh diberikan jika ia memenuhi keperluan.

Melalui pindaan yang dilaksanakan juga, keseluruhan SPK ditambahbaik dengan memperjelaskan peruntukan-peruntukan berkaitan moratorium, peranan pengamal insolvensi, pembiayaan penyelamat dan *cramdown*.

Cramdown merupakan permohonan yang boleh dibuat agar mahkamah memberi perintah mengarahkan persetujuan kelas pemiutang yang tidak bersetuju (*dissenting class of creditors*) dengan pelan rehabilitasi yang dicadangkan oleh syarikat. Pengenalan peruntukan *cramdown* ini akan lebih menguntungkan pihak kelas pemiutang yang tidak bersetuju kerana sebelum membuat perintah,

mahkamah atau hakim perlu berpuas hati bahawa hak-hak kelas pemiutang yang tidak bersetuju itu tidak terjejas sekiranya pelan rehabilitasi yang dicadangkan diluluskan.

Di samping itu, pindaan ini juga membolehkan perlanjutan perintah JM untuk tempoh enam bulan atau suatu tempoh lebih lama supaya perintah JM yang diluluskan akan terus berkuatkuasa melebihi 12 bulan.

Kluster polisi 3 pula adalah memperkukuh kerangka pelaporan pemunya benefisial untuk menambah baik jurang perundangan sedia ada supaya selaras dengan amalan terbaik dan piawaian antarabangsa seperti yang dianjurkan oleh agensi antarabangsa seperti FATF dan OECD. Pemunya benefisial adalah individu atau orang perseorangan yang sebenarnya memiliki atau mengawal sesebuah entiti.

Penambahbaikan ini meningkatkan ketelusan maklumat pemunya benefisial yang diserahkan dengan SSM dan membantu agensi penguatkuasaan dan kawal selia termasuk Polis Diraja Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia untuk memudahcara siasatan dan membanteras jenayah serius yang berselindung di sebaliknya perniagaan seperti perubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah dan pengelakan cukai.

"Usaha SSM untuk membuat penambahbaikan melalui Akta Syarikat (Pindaan) 2024 diharap dapat memudahcara syarikat yang menghadapi masalah kewangan serta menyokong pemulihan ekonomi negara agar terus berdaya saing terutama sekali dalam era pasca pandemik COVID-19"

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz

Ketua Pegawai Eksekutif SSM



Pindaan yang dilaksanakan termasuk memperkenalkan definisi baharu pemunya benefisial, kuasa pendaftar untuk mengeluarkan garis panduan bagi maksud mengenal pasti pemunya benefisial, keperluan untuk menyimpan dan menyelenggarakan daftar pemunya benefisial serta kewajipan baharu yang dikenakan ke atas pemunya benefisial.

Kluster polisi 4 pula melibatkan penambahbaikan amalan dan tadbir urus korporat. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memastikan tahap tadbir urus yang tinggi, penambahbaikan kepada Akta Syarikat 2016 telah dibuat untuk menggalakkan pematuhan dan memudahkan urusan perniagaan. Polisi-polisi baharu diperkenalkan secara berterusan bagi mencerminkan keperluan semasa komuniti korporat untuk kecekapan lebih tinggi dan tadbir urus yang lebih baik.

Di bawah pindaan yang dilaksanakan di bawah kluster polisi 4, Pendaftar diberi kuasa untuk mengeluarkan garis panduan bagi memastikan bahawa prinsip kebebasan juruaudit dikekalkan berkaitan pelantikan juruaudit yang mempunyai pasangan yang bekerja dalam syarikat atau kumpulan syarikat yang akan diaudit oleh firma audit berkenaan.

Pindaan yang dilaksanakan juga termasuk penggunaan laman sesawang rasmi SSM yang dapat memudahcara penerbitan maklumat dan warta untuk menggantikan keperluan perundangan bagi menangani isu-isu praktikal di mana tiada lagi edaran surat khabar fizikal secara meluas di seluruh Malaysia selain boleh mengurangkan kos pengiklanan yang tinggi.

Dalam menyampaikan harapan SSM kepada pengamal korporat yang bakal mendapat manfaat melalui pindaan Akta yang dilaksanakan, Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Datuk Nor Azimah Abdul Aziz berkata usaha SSM untuk membuat penambahbaikan melalui Akta Syarikat (Pindaan) 2024 diharap dapat memudahcara syarikat yang menghadapi masalah kewangan serta menyokong pemulihan ekonomi negara agar terus berdaya saing terutama sekali dalam era pasca pandemik COVID-19.

Pengamal korporat yang ingin mengetahui lebih lanjut dan memahami perubahan dalam Akta Syarikat (Pindaan) 2024, digalakkan mengikuti kursus yang ditawarkan oleh Bahagian Akademi Latihan & Pengurusan Pengetahuan (COMTRAC) SSM dengan melayari portal rasmi SSM, www.ssm.com.my.

SEKILAS INFO AKTA SYARIKAT (PINDAAN) 2024

MEKANISME PENYELAMAT KORPORAT

Akta Syarikat 2016 memperkenalkan kerangka mekanisme penyelamat korporat dalam bentuk perkiraan sukarela korporat (CVA) dan pengurusan kehakiman (JM). Kerangka mekanisme penyelamat korporat bertujuan untuk melindungi kepentingan semua pihak berkepentingan, termasuk syarikat, pemiutang, dan pemegang saham, serta menyediakan proses yang berstruktur dan telus bagi syarikat yang mengalami masalah kewangan untuk menangani krisis kewangan yang dihadapi.

PERKIRAAN SUKARELA KORPORAT (CVA)

CVA menyediakan satu bentuk persetujuan penstrukturan semula yang pada masa kini tersedia untuk syarikat persendirian sahaja. Proses CVA membolehkan syarikat yang mengalami masalah kewangan untuk memasuki pelan atau perkiraan dengan pemiutang tanpa perlu mempunyai pelan atau perkiraan yang diluluskan oleh Mahkamah. Selepas pemfailan CVA ke Mahkamah, moratorium selama 28 hari akan bermula dan akan melindungi syarikat daripada sebarang prosiding undang-undang termasuk petisyen untuk menggugulng syarikat. Tempoh moratorium boleh dilanjutkan kepada tempoh maksimum 60 hari.

PENGURUSAN KEHAKIMAN (JM)

JM membenarkan seorang pengurus kehakiman dilantik oleh Mahkamah Tinggi Malaysia ke atas penguatkuasaan korporat yang tidak solven, dalam keadaan di mana ia dapat ditunjukkan bahawa terdapat peluang yang munasabah, antara lain, mengekalkan semua atau sebahagian daripada syarikat sebagai satu usaha berterusan dan agar kepentingan pemiutang lebih terjamin daripada tindakan penggugungan.

SKIM PERKIRAAN ATAU KOMPROMI (SPK)

SPK ialah proses yang biasa digunakan oleh syarikat yang mengalami masalah kewangan untuk tujuan penstrukturan semula hutang mereka, dan pada masa yang sama mendapatkan faedah dari perintah halangan seliaan Mahkamah yang menghalang apa-apa prosiding undang-undang termasuk apa-apa petisyen untuk menggugulng syarikat daripada dimulakan. SPK membolehkan skim yang diluluskan oleh Mahkamah dikenakan ke atas semua pemiutang dan ahli, dengan syarat pengundian secara majoriti telah diperolehi. SPK bukan secara eksklusif hanya untuk syarikat yang mengalami masalah kewangan dan ia juga digunakan secara meluas oleh entiti yang solven.

KERANGKA PELAPORAN PEMUNYA BENEFISIAL

Kerangka pelaporan pemunya benefisial adalah satu kerangka yang mengenakan obligasi ke atas syarikat untuk mendapatkan, mengesahkan dan merekodkan maklumat pemunya benefisial mereka. Syarikat perlu menyimpan maklumat pemunya benefisial yang terkini dan menyerah simpan maklumat tersebut dengan Pendaftar seperti yang dikehendaki. Pada ketika ini, keperluan pelaporan pemunya benefisial adalah seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 51 dan 56 Akta Syarikat 2016.